

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 20, 2019 12:21 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Forum Pelancongan Kupas Isu Pembangunan Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT)



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

20 MAC 2019 / 13 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

FORUM PELANCONGAN KUPAS ISU PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBT)



UUM ONLINE: Pelancongan berasaskan komuniti (CBT) merupakan antara potensi utama dalam membantu memastikan produk serta industri pelancongan terus berkembang dan mampu meningkatkan pendapatan negara.

Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman berkata, industri pelancongan merupakan industri kedua yang menjana pendapatan besar kepada negara selepas industri pembuatan dan ia bukan sahaja penting kepada negara, malah pemain industri dan juga komuniti tempatan.

Menurutnya, untuk membangunkan industri pelancongan negara, pelancongan berasaskan komuniti juga memainkan peranan yang mana pembangunan pelancongan ini berupaya

menghasilkan pembangunan kepada komuniti khususnya masyarakat luar bandar, antaranya menerusi program homestay.

Katanya, masyarakat luar bandar dapat meningkatkan taraf hidup mereka menerusi program homestay iaitu kegiatan keusahawanan oleh komuniti secara bersama yang mana ia mula diketengahkan dalam Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7).

"Saya berharap forum ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta yang terlibat dalam pembangunan industri pelancongan khususnya *community-based*.

"Selain itu, bagi menggalakkan UUM sebagai edutourism, pelbagai kemudahan dan fasiliti disediakan dalam kampus yang dikelilingi kehijauan dan diharap ia dapat diuar-uarkan kepada masyarakat luar bagi menarik lebih ramai kedatangan pengunjung," katanya pada Forum Pelancongan *Community-Based* di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, semalam.

Forum Pelancongan, *Community-Based* menampilkan dua panelis iaitu Presiden World Homestay Organization Summit For Tourism, Dato' Sahariman Hamdan dan Timbalan Pengarah Tourism Malaysia (Bahagian Pembangunan Pakej), Hishamuddin Mustafa bersama moderator, Datuk Azlie Halim, Felo Adjung STHM dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Santai Travel merangkap Presiden Travel Writers Association of Malaysia.

Dalam forum itu, ahli panel membincangkan tentang pelbagai produk pelancongan berasaskan komuniti dan bagaimana pembangunan pelancongan berupaya menghasilkan pembangunan kepada komuniti itu sendiri.

Selain itu, antara dibincangkan adalah tentang program homestay yang merupakan salah satu aktiviti pelancongan yang berasaskan kepada penglibatan komuniti dan mempunyai potensi untuk berkembang dan membangunkan masyarakat luar bandar.

Dalam forum itu juga, tidak ketinggalan isu homestay yang tidak berjaya dan kurang meraih pendapatan kerana kurangnya promosi dan pemasaran, malah ada pengusaha homestay tidak melakukan penambahbaikan terhadap mutu perkhidmatan mereka.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.